

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 OGOS 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 33

Defisit fiskal dijangka lebih rendah

Defisit fiskal dijangka lebih rendah

Berikutan peningkatan kutipan hasil kerajaan berkaitan minyak dan gas sehingga Jun lalu

KUALA LUMPUR

Malaysia dijangka mampu menurunkan defisit fiskalnya berbanding 5.0 peratus daripada unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini, berdasarkan data fiskal yang lebih baik yang dicatatkan semasa Jun.

CGS-CIMB Securities Sdn Bhd berkata, kutipan hasil kerajaan sehingga Jun adalah agak baik daripada trend sebelum ini walaupun data perbelanjaan setakat ini kekal sejajar.

"Akibatnya, defisit fiskal dicatatkan pada 2.2 peratus dari-

pada KDNK bagi separuh pertama 2023.

"Jika trend ini diekstrapolasi, ia mungkin menunjukkan kemungkinan defisit fiskal muncul lebih baik daripada sasaran kerajaan iaitu sebanyak 5.0 peratus daripada KDNK bagi tahun ini," katanya dalam satu nota penyelidikan baru-baru ini.

CGS-CIMB bagaimanapun berkata, walaupun prestasi fiskal dari tahun ke tarikh terkini sememangnya positif, ia mengingatkan agar tidak terlalu optimistik.

Ia menjangkakan perbelanjaan boleh melonjak menjelang separuh kedua 2023 berdasarkan kepada pengumuman subsidi tarif elektrik, subsidi harga ayam serta telur dan pemberian tunai baharu.

"Walaupun apa pun, dengan mengandaikan keadaan fiskal menjadi lebih baik, kerajaan mungkin mempunyai tiga opsyen strategik iaitu memilih defisit fiskal yang lebih rendah berbanding anggaran 5.0 peratus daripada



Walaupun prestasi fiskal dari tahun ke tarikh terkini sememangnya positif, namun ia mengingatkan agar tidak terlalu optimistik. - Gambar hiasan

KDNK, (memberikan) lebih banyak ruang untuk pergerakan fiskal pengembangan jika ia berhasrat mengekalkan sasaran defisit dan mengurangkan keperluan pengenalan cukai utama dalam Bajet 2024, jika keadaan fiskal adalah lebih baik.

Firma sekuriti itu ber-

pendapat walaupun dengan hasil yang kukuh, terdapat kecenderungan untuk kerajaan berbelanja daripada menyimpan dengan tujuan untuk mencapai agendanya, seiring dengan beberapa pengumuman pembaharuan ekonomi yang telah diumumkan Perdana Menteri.

Ia menekankan bahawa sebahagian besar prestasi cemerlang dalam kutipan hasil dari tahun hingga tarikh terkini berpunca daripada hasil berkaitan minyak dan gas (O&G).

Kutipan daripada cukai pendapatan petroleum setakat suku pertama 2023 adalah 28.2 peratus daripada belanjawan tahunan. Begitu juga kutipan daripada royalti petroleum menyaksikan hasil yang agak kukuh iaitu 84.4 peratus daripada belanjawan tahun ini.

"Kami berpendapat sebahagian besar peningkatan ini muncul daripada penurunan nilai mata wang. Bajet 2023 mengunjurkan pasangan dolar AS/ringgit berada pada RM4.40, manakala purata tahun setakat ini, berada pada paras RM4.50.

"Penurunan mata wang akan menguntungkan produk-produk O&G. Berdasarkan pengiraan kami, ini membawa kepada peningkatan dalam pendapatan keseluruhan melangkaui RM660 juta," katanya. - *Bernama*